

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR PUAN FADHLINA BINTI
DATO' SIDEK**

TARIKH : 31 MAC 2022 (KHAMIS)

SOALAN

**Puan Fadhlina binti Dato' Sidek minta MENTERI PEMBANGUNAN
WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan :-**

- a) garis masa pembentangan Rang Undang-Undang Profesion Kerja Sosial; dan
- b) pelan advokasi kerja sosial khususnya terhadap warga emas sebagai persediaan Malaysia menuju negara tua 2030.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Garis Masa Pembentangan Rang Undang-Undang Profesion Kerja Sosial

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) sentiasa berusaha dan meneruskan inisiatif ke arah memartabatkan profesion kerja sosial. Salah satu tindakan utama yang sedang dijalankan oleh pihak Kementerian adalah penggubalan Rang Undang-Undang Profesion Kerja Sosial (RUU PKS).

Tindakan proses penggubalan draf RUU PKS telah pun giat dijalankan bermula pada tahun 2019 dan melibatkan pengumpulan input dan pandangan daripada pelbagai Kementerian dan Jabatan Kerajaan, Badan Profesional, Ahli Akademik dan individu yang berpengetahuan dan berpengalaman berkenaan profesion kerja sosial yang dilantik melalui penubuhan satu pasukan projek khas. Draf RUU PKS kini berada di peringkat akhir penggubalan dan sedang dibuat pemurnian semula selaras kuir oleh pihak Jabatan Peguam Negara (AGC) terhadap semakan draf RUU PKS yang memerlukan beberapa keputusan yang melibatkan ketetapan dasar baharu berkaitan profesion kerja sosial.

Pihak Kementerian menyasarkan draf RUU PKS ini dapat dibentang di Parlimen untuk bacaan kali pertama pada tahun ini.

Pelan Advokasi Kerja Sosial Khususnya Terhadap Warga Emas Sebagai Persediaan Malaysia Menuju Negara Tua 2030

Secara umumnya, program advokasi berkaitan kerja sosial telah pun giat dijalankan bermula pada tahun 2010 lagi. Pelan komunikasi berkaitan advokasi perundangan berkaitan kerja sosial, akan dijadualkan secara berstruktur dan bakal dijalankan selepas Rang undang-undang diluluskan kelak.

SOALAN NO. : 16

Pelan advokasi persediaan Malaysia menuju Negara Tua 2030 pula akan dilaksanakan di bawah program dan aktiviti Pelan Tindakan Warga Emas Negara (PTWEN) yang diselia oleh Majlis Penasihat dan Perundingan Warga Emas Negara (MPPWEN) yang bersidang dua kali setahun untuk membincangkan pelaksanaan dasar dan PTWEN. Melalui pelan tindakan ini juga, beberapa program promosi dan advokasi telah dijalankan termasuklah:

1. Menjalankan kursus pendedahan dan pemantapan mengenai penuaan dan implikasinya dalam kalangan penggubal dasar, pembuat keputusan dan pegawai pelaksana dari pelbagai kementerian serta sektor swasta;
2. Menjalankan kempen kesedaran secara berterusan untuk membentuk imej positif serta mengiktiraf warga emas dalam semua lapisan masyarakat;
3. Mengadakan Sambutan Hari Warga Emas Kebangsaan pada 1 Oktober setiap tahun; serta
4. Menggalakkan program promosi dan advokasi untuk merapatkan jurang antara generasi melalui program intergenerasi anjuran Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR PUAN RITA SARIMAH
ANAK PATRICK INSOL**

TARIKH : 31 MAC 2022 (KHAMIS)

SOALAN

Puan Sarimah Anak Patrick Insol minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan hasil daripada usaha Kerajaan selama ini untuk meningkatkan kesamarataan jantina.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menggunakan terma kesaksamaan gender berbanding kesamarataan jantina. Kesaksamaan gender tidak bermaksud kesaksamaan secara literal atau sama rata di antara wanita dan lelaki seperti konsep 50-50 atau menjadikan wanita setara dengan lelaki. Kesaksamaan gender merujuk kepada kesaksamaan dari segi akses, peluang dan impak bagi setiap individu tanpa mengenal jantina dalam mencapai potensi diri masing-masing.

Kejayaan yang telah dicapai oleh Kerajaan dalam usaha merapatkan jurang gender dapat dilihat melalui Statistik Pemerksaan Wanita dalam Domain Terpilih Malaysia yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia sejak tahun 2017. Indeks Jurang Gender di Malaysia (*Malaysia Gender Gap Index-MGGI*) secara keseluruhannya pada tahun 2020 dicatatkan pada 0.714 berbanding skor penuh 1.0. Ini bermakna, dari segi peratusan, Malaysia baru mencapai 71.4% dalam merapatkan jurang gender. Skor ini juga menunjukkan peningkatan berbanding tahun 2019 iaitu 0.709 atau 70.9% sahaja.

Berdasarkan MGGI 2020 juga, Malaysia menunjukkan skor yang baik dalam pencapaian pendidikan (1.059) dan kesihatan (0.956). Walau bagaimanapun, bagi sub-indeks peluang dan penyertaan ekonomi dan penguasaan politik masih lagi rendah iaitu 0.738 dan 0.100.

Usaha mencapai kesaksamaan gender ini bukanlah di bawah tanggungjawab KPWKM sahaja tetapi merupakan isu *cross-cutting* yang memerlukan penglibatan, kerjasama dan sokongan daripada semua pihak, khususnya sokongan kemahiran dan kepakaran dalam bidang-bidang tertentu. Justeru, lebih banyak usaha akan terus dilaksanakan KPWKM bersama-sama pelbagai pihak selaras dengan pendekatan *whole of government*, *whole of society* dan *whole of nation*.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**

DARIPADA : **YB SENATOR DATUK SERI HAJAH
ZURAINAH BINTI MUSA**

TARIKH : **31 MAC 2022 (KHAMIS)**

SOALAN

Datuk Seri Hajah Zurainah Binti Musa minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah langkah kerajaan dalam memastikan pemantauan terhadap "*confinement home/centre*" bagi menjaga ibu baru bersalin yang diusahakan oleh pihak swasta. Sehingga kini, tiada sebarang akta atau kawalan standard terhadap fasiliti tersebut. Adakah kementerian merancang untuk mewujudkan sebarang akta/kawalan standard bagi pemantauan fasiliti tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Buat masa ini, tadbir urus '*Confinement Centres*' atau Pusat Perkhidmatan Ibu Selepas Bersalin secara keseluruhannya adalah di luar bidang fungsi Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) atau mana-mana Kementerian lain.

Melihat kepada situasi tersebut dan sebagai langkah proaktif, KPWKM telah mula meneliti keperluan dan bidang fungsi agensi yang bersesuaian bagi tujuan mengawal selia perkhidmatan ini termasuk mekanisme pelaksanaannya dengan mengambil kira aspek keselamatan dan kebajikan golongan wanita dan kanak-kanak. Dalam hal ini, beberapa sesi libat urus telah diadakan bersama agensi terlibat seperti Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia bagi mendapatkan maklumat berkaitan perundangan, pendaftaran, pengoperasian, pelesenan dan penguatkuasaan yang sedia ada.

Namun, perkara ini masih di peringkat perbincangan bagi penetapan keputusan dasar berkaitan tadbir urus *confinement centres* yang dicerminkan sebagai salah satu sistem sokongan keluarga di samping pembangunan satu model pelaksanaan yang terbaik untuk menjamin kesihatan serta keselamatan ibu dan bayi terlibat. Justeru, perancangan bagi mewujudkan akta atau kawalan standard khusus bagi tadbir urus *confinement centres* adalah tertakluk kepada keputusan dasar tersebut dengan mengambil kira aspek perundangan, bidang kuasa dan teknikal sedia ada di bawah agensi yang terlibat.

Adalah diharap menerusi kerjasama bersepadu ini dapat membantu keluarga mendapatkan perkhidmatan yang baik dan selamat di samping memberi lebih banyak peluang penyertaan golongan wanita dalam pasaran kerja, sekali gus membantu meningkatkan ekonomi negara.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**

DARIPADA : **YB SENATOR DATO ZAIEDI BIN SUHAILI**

TARIKH : **31 MAC 2022 (KHAMIS)**

SOALAN

Dato Zaiedi Bin Suhaili minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jumlah bilangan anak yatim yang ditempatkan di pusat jagaan anak yatim bantuan Kerajaan dan Badan Bukan Kerajaan serta sejauh manakah Kementerian memastikan keperluan asas dan pendidikan mereka dipelihara selaras dengan aspirasi Keluarga Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat komited dan sentiasa memberi perhatian kepada aspek kebajikan dan keperluan penghuni di semua pusat jagaan yang berdaftar di bawah Akta Pusat Jagaan 1993.

Akta Pusat Jagaan 1993 mengadakan peruntukan bagi pendaftaran, pengawalan, dan pemeriksaan pusat jagaan. Bagi maksud yang dinyatakan akta ini tidak menggariskan secara spesifik berkaitan pendidikan. Aspek jagaan yang diberikan tumpuan merangkumi aspek perlindungan, pengawasan, pemulihan dan latihan. Pemeriksaan berterusan sama ada pemeriksaan berkala yang dilakukan setiap enam bulan atau pemeriksaan mengejut dilakukan ke atas pusat jagaan berdaftar. Sehingga Disember 2022, sebanyak 2,560 pemeriksaan telah dilakukan.

Bagi memastikan penghuni terutama kanak-kanak yang ditempatkan di pusat jagaan mendapat jagaan dan kebajikan yang sewajarnya pemeriksaan yang dijalankan terhadap pelbagai aspek sebagaimana dinyatakan di dalam Peraturan-Peraturan Pusat Jagaan 1994. Antara perkara yang digariskan di dalam Peraturan tersebut adalah seperti berikut:

- i. **Peraturan 6 (2)(b)**, pengendali sesuatu pusat jagaan berkediaman hendaklah memastikan **penyimpanan dan penyenggaraan rekod kesihatan** setiap penghuni;
- ii. **Peraturan 7**, tiap-tiap pusat hendaklah mengadakan suatu program aktiviti harian yang telah diluluskan oleh Ketua Pengarah yang meliputi-
 - (a) **Kemudahan latihan, aktiviti agama dan rekreasi** bagi penghuni atau orang yang diterima untuk jagaan;
 - (b) **Kemudahan rawatan dan terapi** bagi penghuni atau orang yang diterima untuk jagaan yang berkenaan,

dan dalam mengadakan program itu, keperluan sosial, emosi, fizikal dan **intelektual penghuni** atau orang yang diterima untuk jagaan **hendaklah diambil kira;**

- iii. **Peraturan 22(1)**, semua makanan dan minuman yang disediakan hendaklah sempurna dan bersih serta hendaklah mencukupi untuk memenuhi **keperluan makanan berkhasiat** bagi penghuni atau orang yang diterima untuk jagaan;
- iv. **Peraturan 22(2)**, Skala diet dan menu makanan yang hendak disediakan hendaklah **diluluskan oleh Ketua Pengarah;**
- v. **Peraturan 22(3)**, Skala diet dan menu yang diluluskan hendaklah **dipamerkan** di suatu tempat yang mudah dilihat di pusat itu;
- vi. **Peraturan 24**, pengendali pusat jagaan hendaklah membuat **pemeriksaan perubatan** kepada penghuni bila masa perlu.

Sehingga Januari 2022, terdapat 63 Pusat Jagaan Kanak-Kanak yang mempunyai **2,145 penghuni anak-anak yatim** yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR IR. TS. HAJI KHAIRIL
NIZAM BIN KHIRUDIN**

TARIKH : 31 MAC 2022 (KHAMIS)

SOALAN

Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapakah jumlah wanita yang telah mendapat manfaat daripada program Wanita Bangkit @KPWKM.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam usaha Keluarga Malaysia untuk membantu golongan sasar menikmati kehidupan yang lebih baik, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) telah memperkenalkan Inisiatif Wanita Bangkit@KPWKM yang bertujuan untuk memberi fokus kepada aktiviti penjanaan pendapatan dengan menghubungkan wanita kepada platform yang menawarkan peluang pekerjaan, perniagaan atau keusahawanan.

Inisiatif Wanita Bangkit@KPWKM lahir daripada situasi pandemik COVID-19 yang telah memberi kesan kepada kehidupan masyarakat termasuk golongan wanita dalam pelbagai aspek terutamanya penjanaan pendapatan. Ramai yang terputus pendapatan sama ada dalam sektor formal mahupun informal dan terpaksa mencari pelbagai alternatif bagi meneruskan kehidupan. Inisiatif ini telah memberi manfaat kepada wanita terutamanya daripada golongan suri rumah, B40, M40, wanita yang menjadi Ketua Isi Rumah termasuk ibu tunggal mahupun wanita yang ingin membantu keluarga mencari pendapatan sampingan.

Pada tahun 2021, sejumlah 5,135 wanita berjaya dihubungkan kepada peluang-peluang untuk menjana pendapatan melalui perniagaan kecil-kecilan dan peluang pekerjaan di dalam sektor formal. Pelaksanaan inisiatif Wanita Bangkit dapat membantu wanita mencari jalan keluar daripada kesempitan hidup dan bangkit untuk maju dalam membantu keluarga meningkatkan taraf ekonomi. Seterusnya, para peserta tersebut turut dihubungkan kepada pihak-pihak yang menyediakan dana untuk kemudahan jangka panjang.

Usaha ini kelak diharap dapat membantu golongan wanita terus menjana pendapatan bagi memperkukuhkan sistem sokongan terutamanya dalam bidang ekonomi.

Sekian, terima kasih.